

# **BAB LIMA**

**BAB LIMA :**  
**HASIL ANALISA KAJIAN DAN KESAN PERADABAN ISLAM**

**5.1 Pengenalan**

Bab ini memaparkan laporan penyelidikan mengenai temubual atau wawancara serta soal selidik dalam bentuk analisis. Oleh itu, secara tidak langsung bab ini juga bertindak sebagai jawapan kepada maudhu' penulisan tesis dan merupakan gambaran kepada keseluruhan kajian ini atau dalam erti kata yang lain, bab ini adalah barometer kepada isi kajian penulisan tesis. Di samping itu, bab ini juga turut melihat realiti permasalahan yang bersangkutan dengan dunia Melayu secara global.

**5.2 Wawancara**

Penulis telah memilih tiga orang tokoh akademik yang berwibawa untuk diwawancara demi memenuhi dan melengkapkan lagi keperluan kajian penulisan tesis ini. Penulis merasa amat bertuah kerana telah mendapat kerjasama yang amat baik daripada ketigatiga tokoh ini yang juga merupakan tokoh yang paling berkelayakan dalam bidang masing-masing berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan sumbangan mereka di dalam bidang-bidang yang berkaitan. Hasil daripada wawancara tersebut diperturunkan seperti berikut.

### **5.2.1 Wawancara 1<sup>1</sup>**

Orang-orang Melayu mengalami proses Islamisasi di sepanjang masa dalam kehidupan mereka. Oleh itu, mereka melalui perubahan dan peningkatan dari pelbagai aspek sama ada di dalam diri dan kehidupan mereka. Pengajaran mazhab fiqh turut mempengaruhi pemikiran mereka tanpa mereka sendiri jelas tentang hukum Islam yang sebenarnya. Justeru, masyarakat Melayu tidak dapat mengklasifikasikan dengan tepat sama ada sesuatu adat itu selari dengan kehendak agama Islam atau tidak.

Sememangnya terlalu sukar untuk menentukan sesuatu adat itu mengikut landasan agama atau tidak kerana ianya banyak bergantung kepada penafsiran setiap individu. Malahan kadang kala pandangan seseorang terhadap sesuatu adat turut melibatkan kepentingan peribadi atau sesuatu kumpulan tertentu. Penafsiran individu juga banyak bergantung kepada pengetahuan, pengalaman dan latar belakang masing-masing. Maksudnya di sini, jika seseorang ingin membenarkan sesuatu adat itu sebagai menepati kehendak syarak maka ia memberikan hujah-hujah yang menyokong pendapatnya, begitulah sebaliknya. Hal yang demikian adalah disebabkan sesuatu pengamalan adat itu banyak bergantung kepada niat orang yang melakukannya. Oleh itu, adalah sukar untuk menentukannya kerana niat tidak dapat dikenalpasti walaupun ianya dapat dizahirkan melalui perbuatan adat tersebut. Selain itu, ia juga bergantung kepada hasrat, matlamat dan tujuan seseorang atau kumpulan mempraktikkan sesuatu adat.

Sesetengah adat juga kurang atau tidak popular lagi pada masa sekarang ini. Contohnya adat menyembah pantai, memuja kampung dan memuja semangat padi. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamanya, proses Islamisasi yang berlangsung di dalam masyarakat membawa kepada penambahan dan perubahan nilai hidup dan pegangan serta falsafah masyarakat Melayu terhadap Islam yang semakin bertambah baik memberikan mereka kesedaran mengenai pengamalan adat-adat yang dianggap tidak selari atau secocok dengan Islam. Ia diketepikan dan seterusnya tidak diberikan lagi ruang oleh sebahagian masyarakat di dalam skema adat tradisi Melayu. Namun begitu, pada asasnya Islam memberikan banyak ruang untuk adat berkembang selaras dengan kehendak agama Islam sendiri.

Kedua, arus pemodenan dan urbanisasi serta pengetahuan tentang ilmu-ilmu moden menjadikan adat tradisi yang tidak rasional dengan situasi semasa ditolak ke tepi. Peningkatan kefahaman terhadap Islam juga menolak amalan-amalan yang dianggap kurang rasional.

Masyarakat Melayu juga tidak dapat dipisahkan dengan kepercayaan dan pantang larang. Pantang larang turut berperanan di dalam pembentukan masyarakat. Walaupun pantang larang bermatlamat baik, namun cara ia disampaikan kadang-kadang tidak dapat diterima oleh akal yang waras. Contohnya, larangan duduk di atas bantal, ditakuti jadi bisul atau jangan menyanyi di dapur dibimbangi mendapat suami tua. Walaupun tidak terdapat unsur-unsur yang relevan antara keduanya, ia tetap meninggalkan kesan di dalam masyarakat Melayu. Malah diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi

seterusnya. Jelasnya, pantang larang bermatlamat mendidik cuma pendekatan yang digunakan tidak menampakkan hubungan di antara keduanya dari segi logik akal dan pemikiran.

Islam sebagai agama yang universal sebenarnya memberi terlalu banyak ruang untuk adat tempatan berkembang sesuai dengan fitrah semulajadi manusia yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan tradisinya. Budaya Melayu sendiri adalah berteraskan agama Islam sebagai tunjang dasarnya. Justeru, kekuatan Islam di Malaysia adalah bergantung kepada kekuatan setiap individu Muslim Melayunya.

Kebergantungan antara agama Islam dan masyarakat Melayu memberikan impak kepada keduanya kerana Islam tidak akan berkembang dan kuat tanpa manusia yang menjalankan amanah dakwah dan masyarakat Melayu perlukan panduan hidup beragama daripada Tuhan dan Rasul-Nya. Isu percanggahan adat resam dan kepercayaan dapat diatasi dengan memahami dan mendalami ajaran Islam yang sebenarnya. Pegangan secara taklid atau secara membabi buta terhadap sesuatu hanya merugikan umat Islam sendiri. Peranan ulama amat penting di dalam memberi penjelasan, memperbetul dan memodifikasi sesuatu adat dan kepercayaan agar selari dengan tuntutan Islam.

Manakala pelbagai gejala sosial yang berlaku di kalangan masyarakat Melayu sama ada di peringkat kanak-kanak, remaja atau dewasa merupakan harga yang harus dibayar terhadap pembangunan yang dinikmati. Setiap kemajuan yang dicapai pasti mengorbankan sesuatu yang lain kerana kita tidak akan mendapat kejayaan dalam semua

bidang secara serentak tanpa mengorbankan sesuatu untuk mencapai sesuatu yang lain. Namun begitu, keadaan ini akan kembali seperti sediakala apabila pembangunan negara sudah sampai ke kemuncaknya. Jelasnya di sini, persediaan mental, fizikal dan pengetahuan amat penting di dalam pembangunan sesebuah negara supaya kita tidak kecinciran dibawa arus kemodenan. Namun begitu, apa yang berlaku tetap mempunyai hikmah disebaliknya sama ada sebagai peringatan dan pengajaran dari Tuhan untuk hambaNya atau sebagai kifarat kepada dosa-dosa yang telah kita lakukan.

### **5.2.2 Wawancara 2<sup>2</sup>**

#### **5.2.2.a Pendahuluan**

Proses Islamisasi di dalam masyarakat Melayu sebenarnya berlaku dalam bentuk yang tidak rata dan terpinggir. Hanya mereka yang hampir dengan arus perdana sahaja mendapatnya secara mendalam manakala mereka yang berada jauh dari arus tersebut akan ketinggalan. Golongan ini terdiri daripada penduduk-penduduk yang tinggal jauh di pedalaman, golongan yang buta huruf dan golongan yang bertaklid yakni golongan yang mengikut sesuatu tanpa mempunyai pengetahuan tentang hal yang diikutinya.

Secara umumnya, masyarakat boleh dipecahkan kepada 3 kelompok iaitu masyarakat elit yang merupakan golongan minoriti diikuti oleh golongan menengah dan masyarakat bawahan yang paling ramai. Walaupun usaha-usaha pengembalian Islam banyak dipelopori oleh golongan elit yang berpendidikan tetapi usaha golongan minoriti

tidak terlaksana sekiranya masyarakat peringkat menengah dan bawahan tidak menyambut usaha ini dengan bersungguh-sungguh.

### **5.2.2.b Peranan media.**

Selain daripada usaha yang dipelopori oleh golongan ini, sebahagian daripada media massa juga terpengaruh dengan proses Islamisasi yang berlangsung. Kelahiran majalah-majalah seperti Al-Islam, Dakwah, Tamadun, Muslimah, Anis, Al-Manar dan lain-lain lagi serta siaran radio Islam yang dikendalikan sepenuhnya oleh IKIM membuktikan kesungguhan mereka di dalam usaha untuk sama-sama memberi kefahaman dan membentuk masyarakat Islam, selain daripada usaha yang turut dilakukan oleh stesen-stesen radio lainnya dan stesen televisyen milik kerajaan ataupun swasta.

Namun begitu, media juga terperangkap antara hambatan mengejar keuntungan dan tanggungjawab sosial untuk mendidik masyarakat. Justeru, situasi ini mendorong kebanyakan daripada mereka hanya mewujudkan sedikit ruangan yang berbentuk agama dan ada kalanya ia dibuat sekadar melepaskan batuk di tangga. Situasi seperti ini sudah pasti memberikan implikasinya yang tersendiri kepada massa.

Malah terdapat juga media yang dipenuhi oleh cerita-cerita tahuyl, karut, khurafat dan menonjolkan cerita-cerita artis sensasi, menyokong kumpulan politik tertentu dan sebagainya mengeruhkan lagi keadaan. Lebih mendukacitakan keadaan, sikap sesetengah mereka yang berkecimpung dalam bidang agama tidak suka menggunakan rasionaliti atau

menggunaan akal fikiran secara meluas serta gagal menterjemahkan ajaran agama ke dalam realiti masyarakat pada hari ini.

Namun begitu, proses pemurniaan Islam tetap berlaku di pelbagai peringkat. Sehubungan dengan itu, adat yang tidak dapat lagi berfungsi selari dengan kehendak semasa akan terus diketepikan. Proses urbanisasi dan modenisasi serta kefahaman terhadap Islam juga sedikit sebanyak memperlihatkan adat-adat yang terpilih sahaja masih dikekalkan.

Manakala institusi kepimpinan dan ketuanan Melayu menjadi semakin tercabar dewasa ini. Konflik terjadi di antara generasi tua yang berperanan menjaga dan mempertahankan adat berbeza dengan generasi muda yang inginkan perubahan. Di dalam adat Perpatih misalnya, memperlihatkan dominasi golongan yang berusia dan mempunyai tempat dalam masyarakat. Sejarah telah membuktikan konflik di antara kaum Muda dan Tua yang berakhir dengan majoriti memihak kepada Kaum Tua. Ini sekaligus menggugat kredibiliti golongan generasi muda di dalam menjelaskan sesuatu isu dan mempertahankan pendirian mereka, walaupun terdapat kebenarannya di sana seperti pembahagian harta pusaka di dalam adat Perpatih.

### **5.2.2.c Adat**

Peranan adat sebenarnya amat penting di dalam menjaga dan mengekalkan struktur warisan masyarakat Melayu. Oleh itu, wujudlah pelbagai adat yang bertujuan menjaga

hubungan kekeluargaan, kejiranan, pendidikan dan lain-lain lagi. Justeru, untuk mengekal dan mempertahankan sesuatu adat ianya mestilah diamalkan. Hubungan di antara agama dan adat berjalan serentak dan bertimbang balas antara keduanya, bersesuaian dengan kata-kata tradisi:

*Pada adat, menghilangkan yang buruk,  
Menimbulkan yang baik,  
Kata syarak, menyuruh berbuat baik,  
Menegahkan berbuat jahat,  
Adat bersendikan hukum,  
Hukum bersendikan Kitabullah,  
Adat ke hukum mati hukum,  
Hukum ke adat mati adat.*

Jelasnya dapat difahami bahawa tidak perlu timbul soal pertentangan di antara hukum dan adat kerana daripada bait-bait kata tradisi tersebut menjelaskan keperluan keduanya yang saling lengkap melengkapi bagi memenuhi tuntutan kehidupan. Tujuan serta matlamat hukum adalah untuk memberikan panduan dan kebaikan kepada insan dan dengan sebab itulah ia sewajarnya menjadi tunjang dan nadi kepada perjalanan adat serta menempatkan dirinya di tempat yang selayaknya. Pun begitu, agama tetap bertoleransi terhadap adat-adat tradisi dengan memberikan ruang dan tempat yang sewajarnya kepada perkembangan dan pembinaannya sesuai dengan semangat beragama.

### **5.2.2.d Kepercayaan.**

Kepercayaan merupakan suatu perkara yang sukar untuk dibuktikan walaupun dapat dizahirkan melalui perbuatan. Namun begitu, perbuatan seseorang adalah interpretasi daripada pengalaman dan pengetahuannya. Nyata, walaupun perbuatan seseorang tidak dapat membuktikan kepercayaannya seratus peratus atau keikhlasannya di dalam sesuatu perkara, namun kesungguhan seseorang di dalam melakukan kebaikan kadang kala tidak boleh dipertikaikan keikhlasannya.

Jelasnya, golongan yang mengamalkan kepercayaan karut seperti tangkal dan sebagainya semakin berkurangan, malah mereka menjadi golongan marginal atau pinggiran di dalam masyarakat. Pun begitu, sudah menjadi satu kelaziman di kalangan sebahagian anggota masyarakat mengamalkan setengah daripada ajaran Islam dan meninggalkan yang selebihnya lagi. Ini disebabkan oleh akidah golongan tersebut yang masih belum sempurna.

Pensyirikan kepada Allah pula berlaku di dalam pelbagai bentuk sama ada melalui perbuatan atau kepercayaan. Terdapat golongan yang melakukannya demi mempertahankan kepentingan peribadi seperti bomoh, termasuk juga pengajaran ajaran sesat dan tarekat yang menyalahi agama. Contoh yang paling hampir ialah kes pembunuhan Datuk Mazlan Idris oleh pasangan bomoh Mona Fandey dan suaminya Mohammad Affandi Abdul Rahman serta pembantu mereka, Muhammad Juraimi Husin yang telah pun menjalani hukuman gantung pada 2 November 2001 di Penjara Kajang.

Meneliti kes ini, membuktikan bahawa walaupun masa dan suasana telah berubah, namun bentuk kepercayaan dalam masyarakat masih lagi mengekalkan kepercayaan tradisi yang berasaskan animisme, dinamisme dan Hindu, yang bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat bawahan malah golongan yang dianggap elit juga terlibat.

Cara untuk meningkatkan kepercayaan atau keimanan kepada Allah ialah melalui tiga strategi. Pertama, amalan berdakwah iaitu mengajak manusia kepada Islam, Iman dan Ihsan sambil mengamal dan menghayatinya. Kedua, melalui mujahadah iaitu mengorbankan masa, wang ringgit, tenaga, fikiran dan harta benda untuk menjalankan usaha dakwah dan yang terakhir ialah berdoa dan bertawakkal kepada Alah s.w.t setelah melakukan semua usaha-usaha tersebut.

### **5.2.3 Wawancara 3<sup>3</sup>**

#### **5.2.3.a Pendahuluan**

Tahap penerimaan Islam di kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia adalah sederhana dan belum mencapai satu tahap yang boleh dibanggakan. Masyarakat Malaysia secara umumnya hanya menerima Islam sebagai satu agama dan bukannya sebagai satu cara hidup. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya ialah latar belakang masyarakat Melayu yang berunsurkan animisme dan Hinduisme, ditambah pula oleh

fahaman-fahaman yang dibawa oleh Barat seperti sekularisme, liberalisme, kapitalisme, sosialisme dan sebagainya.

Tambahan pula, sikap masyarakat Melayu sendiri yang kurang cintakan ilmu pengetahuan dan tidak menerima Islam sebagai asas intelektual. Ini menyukarkan lagi proses penyerapan ilmu-ilmu Islam di dalam masyarakat, yang disedari awalnya melebih-lebihkan persoalan ibadah hasil daripada dakwah yang disampaikan oleh ahli-ahli sufi. Oleh itu, kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia menjadikan agama sebagai upacara ritual sahaja.

### **5.2.3.b Kronologi Sejarah Kedatangan Islam.**

Masyarakat Melayu Islam di Malaysia menerima Islam di zaman kejatuhan Islam dan di zaman kelemahan pemikiran umat Islam. Oleh kerana itu, tahap pemikiran masyarakat ketika itu berada pada satu tahap yang agak rendah apabila mereka menerima agama yang disampaikan oleh pendakwah yang terdiri daripada golongan sufi terutamanya. Golongan ini terlalu banyak bertolak ansur dengan masyarakat tempatan terutamanya di dalam soal-soal hukum dan membenarkan banyak adat tempatan yang tidak selari atau bercanggah dengan kehendak agama terus diamalkan. Mereka juga lebih menekankan persoalan hukum daripada akidah, mungkin dengan cara tersebut mereka boleh menarik lebih ramai orang memeluk agama Islam dalam masa yang singkat.

Situasi ini menjadikan masyarakat kurang sedar tentang kepentingan mendalamai ilmu-ilmu agama dan mereka melebihkan persoalan ibadat tanpa mempedulikan persoalan ekonomi, sosial, pentadbiran, hubungan antarabangsa dan lain-lain lagi.

Penjajahan Barat ke atas Tanah Melayu membuka satu lagi lembaran hitam di dalam kronologi sejarah Islam di Malaysia. Justeru, proses pengadaptasian tamadun Melayu ke dalam peradaban Islam mengalami zaman malap dan diburukkan lagi oleh sikap penjajah yang anti-Islam. Oleh itu, sistem pendidikan dipisahkan daripada agama dan pendidikan barat diberi kedudukan yang istimewa dan menikmati pelbagai kemudahan, berbanding pengajian agama yang serba daif dan naif serta tidak diberikan bantuan yang sewajarnya. Maka tidak hairanlah walaupun negara telah mencapai kemerdekaan, golongan yang berpendidikan agama tidak dapat bersaing dengan golongan yang berpendidikan Barat. Jurang ini sekaligus memberikan satu tamparan kepada dakwah Islam seluruhnya kerana golongan yang selayaknya menyebarkan risalah Islam telah dipinggirkan dari arus kemajuan. Manakala sistem pengajian Islam yang lebih bersifat tradisi mengalami perubahan yang agak perlahan dan tidak sejajar dengan kemajuan di bidang lainnya.

### **5.2.3.c Adat resam**

Agama Islam adalah terikat dengan adat resam kerana adat resam merupakan identiti kepada bangsa Melayu itu sendiri. Oleh itu, adat resam perlu dipertahankan demi keagungan keperibadian bangsa Melayu sebagai sebuah bangsa yang bermaruah.

Manakala percanggahan di dalam adat Perpatih dan hukum Islam terutamanya di dalam soal Faraid atau pembahagian harta pusaka boleh diselesaikan dengan unsur-unsur hukum ketiga menurut kuasa kehakiman di mahkamah. Sebaliknya, pembentukan asas budaya baru di dalam masyarakat Melayu amat diperlukan segera.

Adat boleh disesuaikan mengikut kehendak agama seperti mana masyarakat jahiliyah yang mengamalkan zihar dan poligami telah diterima pakai sebagai sumber hukum. Begitu juga dengan solat hajat yang dilakukan oleh masyarakat pada hari ini yang telah mengubah fungsi adat menolak bala.

Jelasnya, adat boleh diterima pakai di dalam Islam dengan melakukan sedikit perubahan sama ada pada matlamat, niat ataupun cara pelaksanaan sesuatu adat. Contoh terbaik ialah metod dakwah yang disampaikan oleh Wali Songo dalam bentuk cerita adat wayang kulit.

Manakala situasi sekarang memperlihatkan golongan agama dipinggirkan dan golongan bukan agama juga tidak diberikan ruang yang secukupnya untuk menyelidiki agama dengan lebih mendalam dari sudut keilmuan yang mereka miliki. Oleh itu, individu yang lahir dalam situasi serba keraguan terus menerus mewakili kelompok Melayu yang terkeliru dengan agamanya sendiri kerana kegagalan mereka untuk memahami Islam sebagai asas intelektual.

### **5.2.3.d Media**

Media pula lebih cenderung untuk membicarakan persoalan politik, ekonomi dan hiburan daripada menjelaskan persoalan adat resam dan budaya yang telah diadaptasikan dengan ajaran Islam. Sedangkan perkara ini amat penting bagi sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia. Sekiranya pengikut Islam sendiri sukar untuk membezakan di antara adat dan hukum Islam, bagaimana pula mereka dapat menjelaskan kedudukan adat kepada pengikut-pengikut agama yang lain. Tambah memburukkan lagi keadaan, media pula menambahkan kekeliruan dan menyogokkan maklumat dan kefahaman yang salah mengenai pengamalan adat resam Melayu yang sewajarnya megikut lunas-lunas Islam.

Tegasnya, adat resam perlu dikekalkan dengan melakukan beberapa penyesuaian mengikut landasan agama Islam dengan mengekalkan acuan budaya tempatan, kerana adat resam merupakan identiti dan jati diri bangsa Melayu. Oleh yang demikian, kita sebagai pewaris khazanah bangsa dan generasi seterusnya hanyalah memikul tanggungjawab “memurnikan” adat resam agar senantiasa selari dengan tuntutan syariat dan pada masa yang sama memenuhi cita-cita bangsa Melayu.

### **5.2.3.e Mazhab**

Mazhab merupakan satu aliran pemikiran dan orang Islam tidak dipaksa untuk terikat dan tidak diwajibkan untuk mengikuti mana-mana mazhab. Malah umat Islam juga tidak

dipaksa untuk menerima sebarang pendapat fuqaha'. Ini merupakan prinsip agama Islam yang sangat bebas, dengan itu, penganut agama Islam diberikan ruang yang secukupnya untuk mereka mempraktikkan ajaran agama Islam asalkan tidak terkeluar daripada garis-garis yang telah ditetapkan agama.

Tidak terdapat ayat daripada al-Quran atau al-Hadis yang mendesak orang Islam untuk menubuhkan mana-mana mazhab atau mengikuti sebarang doktrin mazhab yang terkenal. Perbezaan antara adat dan agama Islam boleh diselesaikan melalui ijihad atau ijma'. Beberapa pendapat daripada fuqaha' Islam Syafie juga patut diberikan perhatian semula terutamanya yang berkaitan dengan harta pusaka supaya ianya selari dan sesuai dengan kehendak dan suasana semasa di Malaysia.

#### **5.2.3.f Kepercayaan**

Dari sudut kepercayaan dan masyarakat Melayu Islam di Malaysia, masih terdapat segelintir masyarakat yang masih dipengaruhi oleh unsur-unsur Hinduisme dan animisme. Mereka ini kemudiannya melahirkan fahaman yang mencampur adukkan adat tradisi dan amalan agama Islam dan mengakuinya pula sebagai sebahagian daripada tuntutan beragama. Golongan ini juga hanya mengikuti separuh daripada ajaran agama dan meninggalkan separuh yang lain. Kefahaman dari sudut kerohanian yang cetek membentarkan ajaran-ajaran bukan Islam hidup dan mempengaruhi cara hidup mereka dan ini memberikan peluang kepada wujudnya pegangan adat yang meyalahi agama.

Terdapat juga bentuk-bentuk kepercayaan baru di dalam masyarakat pada hari ini. Kenyataan ini dengan jelasnya membuktikan bahawa masyarakat Islam masih terikat dengan saki-baki kepercayaan tradisi sebelum Islam. Gejala “Black Metal” tidak berapa lama dahulu telah menggemparkan seluruh negara. Gejala yang menjadikan syaitan sebagai sumber pemujaan turut juga memijak dan membakar kitab suci Al-Quran dan meminum darah kambing sebagai salah satu syarat untuk menjadi ahli kumpulan tersebut. Gejala “Black Metal” juga memberikan petanda kepada kita tentang kecelaruan akidah umat Islam pada hari ini.

### **5.2.3.g Tamadun Melayu.**

Berbanding dengan bangsa Melayu, Cina dan India telah lama membina peradaban mereka iaitu sejak dari sebelum Masihi lagi. Oleh itu, tidak hairanlah mereka telah membina kekuatan dan menimba pengalaman di sepanjang sejarah pembinaan tamadun tersebut. Justeru, adalah sesuatu yang tidak adil untuk mengangkat peradaban Melayu setanding dengan peradaban-peradaban yang telah berusia.

Meskipun begitu, tamadun Melayu mempunyai potensi dan masa depan yang cerah untuk mencapai tahap kegemilangan dalam kelas yang tersendiri. Walaupun telah melalui zaman kejatuhan yang lama, peluang untuk masyarakat Melayu membina kembali peradabannya terbuka luas. Kelebihan orang Melayu terletak pada sifat mereka yang sederhana di dalam segala hal. Oleh itu apabila pembinaan tamadun Melayu telah mantap, masyarakat Melayu boleh membina sesuatu yang lebih besar dan kukuh

berorientasikan sifat tersebut. Tegasnya, adat resam perlu digali kembali dan disesuaikan dengan situasi semasa tanpa mengeneppikan arus kemodenan asalkan selari dan sesuai dengan semangat keislaman dan pastinya melambangkan jati diri bangsa Melayu sendiri.

### **5.3 Analisa Soal Selidik**

Penulis telah membuat borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat terkini dan terperinci daripada orang ramai mengenai pengamalan adat resam dan kepercayaan di kalangan diri, keluarga dan masyarakat setempat mereka. Responden terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan pekerjaan.

Responden telah memberikan kerjasama yang baik di dalam melengkapkan borang kaji selidik dengan menghuraikan jawapan secara terpeinci, cuma terdapat segelintir responden yang memberikan jawapan terlalu ringkas dan umum tetapi tidak lari daripada topik perbincangan. Secara keseluruhannya, semua responden memberikan kerjasama yang memuaskan. Tegasnya, matlamat soal selidik telah mencapai sasarannya iaitu untuk mendapatkan realiti di dalam praktis adat resam dan kepercayaan di kalangan orang Melayu di Malaysia.

**Jadual 5.3.1 Dari sudut pendapatan bulanan responden, tahap kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat, keluarga dan diri responden serta tahap pendidikan agama yang pernah diterima oleh responden.**

| PENDAPATAN            |     |       | MASYARAKAT |   |    |      |   |      | KELUARGA DAN DIRI |   |         |   |    |     |   |      |   |   |
|-----------------------|-----|-------|------------|---|----|------|---|------|-------------------|---|---------|---|----|-----|---|------|---|---|
|                       | BIL | %     | T/<br>B    | % | B  | %    | S | %    | T                 | % | T/<br>B | % | B  | %   | S | %    | T | % |
| Kurang dari RM 1,000  | 2   | 10 %  |            |   | 2  | 10 % |   |      |                   |   |         |   | 2  | 10% |   |      |   |   |
| RM 1,001 – RM 2,000   | 6   | 30 %  |            |   | 2  | 10 % | 4 | 20 % |                   |   |         |   | 3  | 15% | 3 | 15 % |   |   |
| RM 2,001- RM 4,000    | 10  | 50 %  |            |   | 8  | 40 % | 2 | 10 % |                   |   |         |   | 8  | 40% | 2 | 10 % |   |   |
| RM 4,001- RM 7,000    |     |       |            |   |    |      |   |      |                   |   |         |   |    |     |   |      |   |   |
| RM 7,000- RM 10,000   | 1   | 5%    |            |   |    |      | 1 | 5%   |                   |   |         |   |    |     |   |      |   |   |
| RM10,001- Dan ke atas | 1   | 5%    |            |   |    |      | 1 | 5%   |                   |   |         |   |    |     |   |      |   |   |
| JUMLAH                | 20  | 100 % |            |   | 12 | 60 % | 8 | 40 % |                   |   |         |   | 14 | 70% | 6 | 30 % |   |   |

Petunjuk :    T/B : Terlalu baik  
                   B : Baik  
                   S : Sederhana  
                   T : Tidak

Sumber : Soal-selidik

Secara umumnya, pendapatan responden bukanlah barometer untuk menetukan tahap kefahaman dan penghayatan Islam terhadap diri, keluarga dan masyarakat setempat responden. Jadual 5.1 memberikan petunjuk yang jelas mengenai hal ini.

Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat, diri dan keluarga responden berada di tahap yang selamat dengan 60% responden menyatakan bahawa masyarakat di tempatnya mengamalkan ajaran Islam dengan baik dan selebihnya menyatakan bahawa amalan masyarakat di tempat mereka adalah sederhana.

Dari sudut kefahaman dan pengamalan Islam di dalam diri dan keluarga responden pula, tidak terdapat perbezaan yang ketara dengan masyarakat di tempat mereka di mana terdapat 70% responden menyatakan bahawa tahap kefahaman dan penghayatan Islamnya berada di tahap baik dan selebihnya iaitu 30% lagi pada tahap sederhana.


Tegasnya, tidak ada responden yang mengemukakan jawapan bahawa tahap kefahaman dan pengamalan Islam di kalagan masyarakat, diri dan keluarga mereka berada pada tahap yang terlalu baik atau langsung tidak baik.

Kesimpulannya, responden meletakkan tahap sederhana dan baik sebagai manifestasi terhadap realiti kehidupan beragama pada masyarakat, diri dan keluarga mereka. Keseluruhan responden juga pernah menerima pendidikan agama secara formal

dan mereka juga mempunyai pelbagai inisiatif untuk menambahkan pengetahuan agama mereka.

#### **Jadual 5.3.2 Pemahaman Responden Mengenai Adat Resam**

**Pemahaman Responden Mengenai  
Adat Resam**



**80 % : Mewakili responden yang faham mengenai adat resam.**


**20 % : Mewakili responden yang kurang jelas mengenai adat resam.**

Menyentuh mengenai pemahaman responden mengenai istilah adat resam, penulis telah mengemukakan soalan dalam bentuk subjektif agar responden bebas memberikan jawapan.

Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, 80% responden memahami maksud sebenar adat resam dan selebihnya iaitu 20% agak keliru di dalam menjelaskan maksud adat resam. Walau bagaimanapun, 20% responden ini adalah terdiri daripada mereka yang berusia 50 tahun ke atas.

**Jadual 5.3.3 Dari Sudut Pengetahuan Responden Di Dalam Membezakan Antara Pengamalan Adat Resam dengan Hukum Islam yang Sebenar.**

Dari sudut pengetahuan responden di dalam antara pengamalan adat resam dengan hukum Islam yang sebenar



**85 % : Dapat Membezakan**

**10 % : Ragu-ragu**


**5 % : Tidak Dapat Membezakan**

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh responden, penulis mendapati majoriti responden dapat membezakan pengamalan adat dengan hukum Islam yang sebenar iaitu sebanyak 85%, manakala 10% lagi agak ragu-ragu untuk menentukannya dan selebihnya iaitu 5% lagi langsung tidak dapat membezakannya.

Kesimpulan yang dapat dibuat mengenai hasil analisis ini ialah proses Islamisasi adalah menyeluruh dan mengenai setiap lapisan masyarakat Melayu Islam. Minat untuk

mendalami agama Islam, khususnya mempelajari Al-Quran sebagai satu *trend* terkini di dalam masyarakat menggalakkan lagi proses pemahaman berlaku dengan lebih cepat dan berkesan. Proses penyediaan dan kesediaan masyarakat di dalam menerima pembentukan oleh hukum Islam menjadi pemangkin kepada perubahan dewasa ini.

**Jadual 5.3.4 Faktor-faktor Yang Menyebabkan Sesetengah Adat Tidak Lagi Popular.**



- Petunjuk**
- 1 : Kesedaran Beragama dan Peningkatan Pendidikan**
  - 2 : Pemodenan dan Urbanisasi**
  - 3 : Adat Tidak Lagi Berfungsi**
  - 4 : Tidak Ada Masa**
  - 5 : Bazirkan Wang**

**Sumber : Soal selidik**

Penulis telah mengemukakan soalan kepada responden untuk mendapatkan jawapan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu adat tidak lagi popular dan responden telah memberikan jawapan mengikut keutamaan fokus soalan.

Graf di atas menunjukkan kecenderungan responden memberikan jawapan bahawa kesedaran beragama dan peningkatan pendidikan sebagai faktor utama sesetengah adat tidak lagi diamalkan. Jawapan ini mewakili jumlah yang tertinggi iaitu 95% di dalam skala rajah. Situasi ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu telah menjadikan bidang pendidikan sebagai satu keperluan asas. Manifestasinya, pendidikan agama turut menerima kemajuan tersebut.

Ini diikuti pula oleh proses pemodenan dan urbanisasi sebagai faktor kedua tertinggi yang menggerakkan perubahan tersebut, sebanyak 75% memilih jawapan ini. Proses ini walaupun tidak lagi menyeluruh namun mengenai setiap warga bumi serta menzahirkan impak positif dan negatif mengikut tafsiran penerimanya disamping acuan modenisasi yang dibawa turut mempengaruhi masyarakat.

Gaya hidup yang cuba ditonjolkan seperti ringkas, mudah dan cepat menjadi pilihan golongan yang bekerja dewasa ini. Situasi ini pastinya bertentangan dengan adat resam klasik yang berdasarkan kepada kehalusan budi pekerti, tutur bicara dan sopan di dalam tingkah laku tidak lagi dapat seiringan dengan nada perubahan ini.

Responden juga menjelaskan bahawa adat tidak lagi dapat memainkan fungsinya pada masa sekarang. 50% responden bersetuju dan berkongsi idea dengan tanggapan bahawa adat resam tidak lagi relevan dengan perubahan massa, terutamanya adat resam yang berkait dengan upacara-upacara tertentu dan memerlukan penglibatan banyak pihak di dalam pelaksanaannya.


Terdapat sesetengah adat yang dianggap ketinggalan kerana tidak ada sebarang usaha untuk menyesuaikannya dengan situasi semasa. Akibatnya, ia menjadi sesuatu yang lapuk dan sebagai bahan tinggalan sejarah adat.

Responden juga memberikan alasan bahawa tidak mempunyai masa untuk menyempurnakan adat-adat tertentu yang melibatkan upacara atau majlis tertentu seperti adat naik buaian, adat turun tanah, adat buka tanah, adat naik ke rumah baru dan lain-lain lagi. 25% responden memberikan faktor masa sebagai kegagalan penunaian adat-adat yang telah disebutkan. Di samping itu, mereka juga memberikan pelbagai lagi alasan. Manakala 50% responden menyetujui bahawa amalan adat-adat tertentu yang melibatkan upacara-upacara khas hanya membazirkan wang.

Kesimpulannya, masyarakat Melayu pada hari ini mempunyai kesedaran di dalam meningkatkan pengetahuan agama mereka. Situasi ini membolehkan mereka membuat penilaian dan meletakkan garis sempadan di dalam mengklasifikasikan sesuatu adat.

Malangnya, bagi adat yang di kategorikan sebagai bertentangan dengan agama terus ditinggalkan begitu sahaja tanpa memberi peluang kepada adat tersebut menjalani proses modifikasi yang sewajarnya dan menempatkannya kembali ke dalam skema tradisi adat Melayu. Hal ini, perlu diberi perhatian dan tindakan segera demi untuk mengekalkan adat tradisi Melayu sebagai tunjang dan lambang identiti bangsa Melayu sendiri.

**Jadual 5.3.5 Cara Untuk Menjelaskan Kepada Masyarakat Mengenai Bahagian-bahagian Adat Resam Yang Salah.**



**Petunjuk** : **75 % : Media**  
**25 % : Belajar**


**Sumber** : **Soal selidik**

Majoriti responden, iaitu 75% daripada mereka memberikan jawapan bahawa media harus memainkan peranan penting di dalam menjelaskan kedudukan bahagian-bahagian adat resam yang bertentangan dengan Islam agar ianya dapat dinilai dan diperbetulkan oleh masyarakat. 25% daripada responden pula berpendapat hanya dengan mempelajari ilmu-ilmu agama sahaja merupakan cara yang paling kondusif untuk

menangani masalah ini. Tegasnya, hasil daripada soal-selidik mengenai adat resam dapat disimpulkan bahawa hanya bahagian-bahagian tertentu di dalam adat resam yang bertentangan dengan agama. Malangnya adat resam yang dianggap tidak selari dengan tuntutan agama terus ditinggalkan atau terus diamalkan oleh segelintir masyarakat dengan pandangan prejudis oleh masyarakat lainnya tanpa adanya usaha-usaha untuk memperbaikinya agar adat dapat memainkan kembali fungsinya di dalam masyarakat.

Faktor-faktor seperti modenisasi dan urbanisasi dikenalpasti sebagai faktor utama yang menenggelamkan usaha untuk memartabatkan adat. Sementelah masyarakat moden hari ini lebih suka sesuatu yang bersifat segera, mudah dan pantas menyebabkan adat-adat yang berkaitan dengan upacara-upacara tertentu tidak lagi diamalkan. Justeru, generasi akan datang tidak dapat mengenali, mengetahui dan menemui bangsanya sendiri di dalam diri mereka. Fenomena kemiskinan adat resam akan menghilangkan keistimewaan serta kehebatan tamadun Melayu seluruhnya.

### **5.3.6 Kepercayaan di kalangan masyarakat.**



- Petunjuk**
- 1 : Percaya Kepada Allah s.w.t.**
  - 2 : Tidak Pasti**
  - 3 : Bertuhankan Kebendaan**
  - 4 : Percaya Kepada Makhluk Halus**

**Sumber : Soal selidik**

Menilai mengenai kepercayaan masyarakat Melayu kini, 75% daripada responden pasti bahawa masyarakat Melayu beriktikad sepenuhnya kepada Allah, manakala 10% lagi tidak pasti tentang status kepercayaan masyarakat, 10% lagi menyatakan masyarakat tetap berpaksikan Allah tetapi dalam masa yang sama juga bertuhankan kebendaan dan selebihnya iaitu 5% lagi menyatakan terdapat kepercayaan kepada makhluk halus di kalangan masyarkat.

Keadaan ini pastinya memerlukan tindakan segera pihak berwajib untuk memperbetulkan akidah umat Islam agar tidak menjadi wabak pada masa hadapan. Tambahan pula, munculnya pelbagai fahaman dan ajaran yang menyalahi syara' sejak akhir-akhir ini amat membimbangkan apatah lagi ia berkait rapat dengan persoalan akidah.

## **Faktor-faktor yang membantu pembentukan iman yang hakiki terhadap Allah.**

Responden telah mengemukakan pelbagai jawapan bagi persoalan yang bersifat subjektif ini. Berdasarkan jawapan-jawapan tersebut, penulis berkeyakinan penuh bahawa masyarakat Islam kini sememangnya menyedari tentang kepentingan iman yang hakiki kepada Allah dan mereka telah menyediakan ruang untuk hal tersebut. Penulis telah mengklasifiklasikan jawapan-jawapan kepada 12 kategori.

1. Mengenal Pencipta (Allah) dan diri sendiri.
2. Pendidikan agama dalam bentuk formal dan tidak formal.
3. Mengamalkan atau mempraktikkan ilmu-ilmu yang dipelajari.
4. Menyuruh berbuat kebaikan dan menegah / mencegah melakukan keburukan / kejahanan (*Amal Makruf Nahi Munkar*)
5. Berdoa dan memohon petunjuk dari-Nya.
6. Bertaqwa
7. Berdampingan dengan ulama'
8. Bermuzakarah
9. Memikirkan tentang kejadian alam dan kebesaran Allah serta mengambil iktibar darinya.
10. Berakhhlak mulia
11. Memperbanyakkan ibadat.
12. Memilih pemimpin yang berkelayakan

Kesimpulannya, kepercayaan atau keimanan kepada Allah merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dilihat tetapi dapat dizahirkan melalui pebuatan dan perlakuan seseorang. Namun begitu, hasil balas responden membuktikan bahawa pengetahuan masyarakat tentang ajaran Islam meninggalkan kesan dari sudut amalan mereka. Oleh itu, pengetahuan masyarakat mengenai agama Islam, adalah seiring dengan praktikal mereka di dalam kehidupan seharian.

#### **5.4 Isu, Cabaran Semasa dan Mendatang Masyarakat Melayu**

##### **5.4.1 Globalisasi**

Secara umumnya, globalisasi lebih disinonimkan dengan agenda ekonomi dan pasaran bebas yang berpaksikan kepada kepentingan ekonomi Amerika Syarikat dan negara-negara maju di barat. Malaysia pula kini berada di antara dua arus iaitu kapitalisme yang dikuasai barat dan kesedaran serta gerakan kebangkitan Islam.<sup>4</sup>

Penguasaan Amerika Syarikat terhadap ekonomi dan ketenteraan membuka ruang kepada mereka untuk menjajah dunia dalam bentuk yang cukup kompleks dalam semua bidang seperti hak asasi manusia, perundangan dan ekonomi pasaran bebas. Negara-negara barat juga akan menggunakan segala kuasa, cara dan helah untuk menekan kita. Jika kita tidak belajar dari sejarah, sudah pasti kita akan terus lenyap dari muka bumi ini. Masyarakat barat, khususnya Amerika Syarikat berjaya menguasai dunia kerana ia

mempunyai kekuatan tiga elemen utama yang dikenalpasti mempengaruhi semua manusia iaitu hiburan, teknologi dan bahasa.

Globalisasi dalam istilah yang sebenarnya ialah berkaitan soal etika. Namun begitu, ia telah dimanipulasikan oleh kuasa-kuasa dunia dan penyokongnya dan mereka menganggapnya sebagai satu proses penyatuan manusia seluruh dunia di bawah satu ideologi atau sistem hidup yang sama tanpa mengira tradisi bangsa-bangsa tersebut.

Sebagai jalan penyelesaiannya, proses globalisasi yang destruktif ini mesti digantikan dengan satu sistem dan tatacara hidup global yang lebih berbentuk ‘alamiah atau lebih humanis coraknya. Peluang untuk manusia sejagat membentuk tatacara baru dunia yang lebih adil dan selamat wujud selepas berlakunya dua perang dunia, yang kedua-duanya dicetuskan di Eropah.

Gagasan kerjasama antarabangsa atau gagasan internasionalisme mesti dibentuk melalui sistem PBB berdasarkan prinsip kedaulatan negara-bangsa dan persamaan hak asasi manusia sejagat. Oleh itu, manusia sudah tidak mempunyai banyak pilihan melainkan bersatu untuk menentang sebarang percubaan dari mana-mana pihak untuk menjadikan dunia ini sebagai kuasa ideologi dan kawasan pengguna ekonomi dan budaya teknologi maklumat yang sama. Oleh itu, proses globalisasi ala teori Huntington yang didukung oleh dunia barat perlu diganti dengan pemahaman dan proses yang baru agar suasana kesejagatan tetap terpelihara.

Dilihat dari sudut positif, globalisasi sebenarnya mempunyai pelbagai faedah yang cukup besar jika diuruskan dengan baik. Sememangnya globalisasi akan memberikan keuntungan kepada semua pihak sekiranya diatur berdasarkan kepentingan sejagat kerana kita berhak menentukan pilihan sendiri dengan mula berfikir dan bertindak tanpa telalu banyak membuat rintihan atau keluhan.

#### **5.4.2 Gejala Sosial**

Dewasa ini kita sering dikejutkan dengan pelbagai kejadian yang melibatkan salah laku sosial di seluruh negara. Daripada kegiatan vandalisme, pergaduhan, skim cepat kaya, pecah amanah, rasuah, mencuri, merompak, menyamun, sumbang mahram sehingga kejadian bunuh yang kebanyakannya melibatkan bangsa Melayu, boleh kita saksikan setiap hari di dada-dada akhbar dan di kaca televisyen.

Situasi ini menjelaskan kepada kita tentang hilangnya nilai kemanusiaan dari diri manusia Melayu. Manakala yang lebih menonjol pula hanyalah pertumbuhan individualisme yang semakin melupai tanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat, agama dan negara. Nilai-nilai seperti sopan-santun, semangat kekeluargaan dan kemesraan yang tinggi, saling hormat menghormati, bertolak ansur, tolong menolong dan semangat kejiraninan semakin menghakis ditelan oleh proses urbanisasi dan modenisasi di dalam menuju era globalisasi. Ini memberikan satu gambaran yang ngeri terhadap kehidupan generasi yang bakal menerajui pemerintahan negara.

Tambahan pula, generasi pelajar lelaki khususnya, kebelakangan ini dilihat tidak mempunyai daya juang dalam mencapai kecemerlangan pendidikan, malah ia diburukkan lagi dengan puluhan ribu lelaki Melayu yang terjebak dengan najis dadah dan tersadai di pusat-pusat serenti.<sup>5</sup>

Profesor Doktor M. Kamal Hassan<sup>6</sup> (1996 : 233) telah menyenaraikan secara terperinci 15 fenomena gejala sosio-budaya yang terdapat di dalam masyarakat Melayu kini, iaitu yang boleh disifatkan sebagai manifestasi daripada apa yang terdapat didalam hati kalbu kebanyakan orang Melayu kini. Ia boleh disimpulkan seperti berikut:<sup>7</sup>

1. Mementingkan keduniaan. Ini termasuklah kebendaan, harta kekayaan, kemewahan, pangkat, kedudukan, kekuasaan dan pengaruh yang telah melahirkan sifat dan perbuatan mazmumah seperti tamak haloba, hasad dengki, buruk sangka, dendam kesumat, tipu muslihat, rasuah, nepotisme, kronisme, penyelewengan, komplot, kolusi, konspirasi, ugutan, pemerasan dan pembunuhan seperti yang ditegaskan oleh Rasulullah “cinta akan dunia, cinta akan kemewahan dan cinta akan harta benda.”
2. Krisis keyakinan terhadap hari kematian dan pembalasan di akhirat kelak.
3. Kurangnya pengetahuan mengenai ajaran agama Islam yang meliputi seluruh aspek kehidupan.

4. Taksub dan keterlaluan dalam penekanan kepada aspek kerohanian dan akhirat samada secara individu atau berkumpulan dan meminggirkan kehidupan dunia.
5. Tidak mempunyai disiplin dan kesungguhan serta kesabaran dalam mematuhi segala ajaran dan amalan Islam, akibat daripada pengaruh dan tekanan cara hidup hedonisme dan liberalisme barat.
6. Kelunturan dan kehilangan semangat pengorbanan diri atau mujahadah, yakni mengharapkan ganjaran atau balasan apabila melakukan sesuatu tanpa mengutamakan keredhaan Allah.
7. Ketiadaan ‘role-model’ atau contoh tauladan di kalangan pemimpin samada di dalam keluarga, masyarakat dan negara.
8. Kejahilan dan kealpaan tentang konsep amanah di dalam pemilikan harta benda dan penanggungan tugas.
9. Krisis kehilangan atau ketiadaan harga diri di kalangan generasi muda akibat kurang dan salah didikan.
10. Pembelengguan hati budi kepada ketua, pemimpin dan penguasa kerana nilai ketaatan, kepatuhan dan kegerunan yang melulu warisan zaman feudal.

## 5.5 Rumusan

Bab ini merupakan jawapan terhadap fokus utama tajuk penulisan tesis ini. Berbanding dengan bab sebelumnya yang memberikan maklumat secara literal, bab ini sebaliknya mengemukakan bahannya secara praktis melalui kaedah soal selidik.

Semua pihak sedia maklum bahawa terdapat sejumlah adat resam yang melibatkan upacara-upacara tertentu tidak lagi diamalkan atas dasar terdapat di dalamnya bahagian-bahagian yang bertentangan dengan kehendak agama di samping lain-lain sebab yang bukan dominan. Namun begitu, perubahan masih boleh dilakukan terhadap bahagian-bahagian adat yang bertentangan sahaja tanpa membiarkannya terus ditelan masa dan dinafikan haknya untuk pengetahuan generasi yanng akan datang. Oleh itu, adat-adat tersebut perlu menjalani proses modifikasi dan diberi nafas baru untuk masa depan bangsanya sendiri dan perlu dipelihara, diamal dan dikekalkan untuk generasi yang akan datang. Inilah tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap warga Melayu Malaysia kini.

Hasil daripada kurang penghayatan terhadap kandungan ajaran agama Islam dan sikap masyarakat kini yang gagal mengadaptasikan falsafah murni yang sarat terkandung di sebalik adat resam ke dalam realiti kehidupan menyebabkan wujudnya pelbagai gejala sosial dan jenayah yang melanda masyarakat Melayu pada hari ini. Seterusnya melahirkan generasi yang mempunyai kerendahan nilai akhlak dan kemanusiaan di dalam diri individu tersebut dan mungkin akan terus diwarisi oleh generasi seterusnya.

Justeru, satu langkah pencegahan yang kondusif perlu difikirkan segera untuk menangani segala permasalahan ini dengan mengambil kira semua aspek yang terlibat. Pastinya semua pihak perlu bersatu menggembeleng tenaga secara praktikal di dalam usaha mencegah dan menghapuskan kegiatan-kgiatan yang tidak bermoral di kalangan orang Melayu yang bertauhidkan addin Islam. Pepatah Melayu berbunyi, “mencegah lebih baik daripada mengubati” adalah tepat untuk merujuk kepada perubahan drastik yang perlu dilakukan mulai sekarang tanpa sebarang kompromi.

## NOTA HUJUNG

---

<sup>1</sup> Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, Pengarah di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Selasa, 22 Januari 2002, Temubual.

<sup>2</sup> Prof .Hashim Hj.Musa, pensyarah Akademi Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 31 Januari 2002, Temubual

<sup>3</sup> Prof.Dato' Dr.Mahmood Zuhdi bin Hj.Abd.Majid, Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, 28.Januari 2002.Temubual.

<sup>4</sup> Ali Mahmood, *Globalisasi : 'MengAmerikakan Dunia'* dlm *Massa* Bil. 329, 2002, hlm. 58

<sup>5</sup> Aziz Ishak, Tahun 2002 : *'Mengubati Penyakit Masyarakat'*, dlm. *Massa*, bil. 324, Kuala Lumpur : Utusan Melayu ( Malaysia ) Berhad, hlm. 15

<sup>6</sup> Mohd. Kamal Hassan, *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia Society : Some Critical Observations*, Kuala Lumpur : ABIM, 1996, hlm. 233

<sup>7</sup> Hashim bin Hj. Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 100 - 103